

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَاَنْظُرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا
وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali-Imran: 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab turun ayat 139 Surah Ali-Imran. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ
مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ
سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ
وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan bahawa setiap golongan mempunyai tanggungjawab masing-masing.

- (i) Senaraikan **dua** golongan tersebut selain suami dan isteri. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab seorang suami. [2 markah]

...رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

(Surah al-Furqan: 74)

...wahai tuhan kami, anugerahkanlah kami penyejuk mata dari pasangan dan keturunan kami, serta jadikanlah kami sebagai pemimpin bagi orang yang bertakwa.

(iii) Huraikan kepentingan mengamalkan doa di atas dalam kehidupan berumah tangga. [4 markah]

(c) Nyatakan **dua** jenis ibtida. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 2 (a) (i) Al-Muntaqim merupakan satu daripada nama Allah SWT yang indah. Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]
- (b) (i) Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah. Nyatakan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara menjauhi ajaran sesat. [4 markah]
- (c) Syiah dan Khawarij adalah aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.
- (i) Nyatakan sejarah ringkas Syiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan prinsip utama Khawarij. [2 markah]
- (iii) Terangkan kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah. [2 markah]

- 3 (a) (i) Haji merupakan rukun Islam yang kelima. Nyatakan **dua** jenis haji. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** larangan ihram. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud sembelihan? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** perkara sunat sembelihan dari aspek penyembelih. [2 markah]
- (iii) Terangkan hikmah sembelihan dari sudut syarak dan sains. [2 markah]
- (c) Faraid adalah satu aspek penting dalam Islam.
- (i) Apakah maksud faraid? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** rukun faraid. [2 markah]

Antara waris yang berhak menerima harta pusaka ialah bapa, ibu, suami, isteri, anak lelaki dan anak perempuan.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah Islam menetapkan pembahagian tersebut? [4 markah]

- 4 (a) (i) Namakan **dua** orang khalifah kerajaan Umaiyah yang terkenal selain daripada khalifah al-Walid bin Abdul Malik. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan khalifah al-Walid bin Abdul Malik. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari aspek ketenteraan. [4 markah]

Umat Islam pada zaman kerajaan Umaiyah telah menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran dan hadis.

- (iv) Bagaimanakah persediaan yang perlu anda lakukan untuk mengekalkan kecemerlangan dalam bidang tersebut. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** hasil karya Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada ketokohan beliau. [4 markah]

- 5 (a) (i) Islam telah menggariskan beberapa adab terhadap orang sakit. Nyatakan **dua** adab terhadap orang sakit dari sudut emosi. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab terhadap orang sakit. [4 markah]

الوقاية خير من العلاج
MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT

- (iii) Kemukakan pandangan anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) (i) Istiqamah dalam amalan adalah salah satu benteng iman menurut wasiat Imam al-Syafie. Apakah maksud istiqamah? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** perkara lain yang menjadi benteng iman menurut wasiat tersebut. [2 markah]
- (iii) Jelaskan contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 markah]

Maksud hadis:
Tidak istiqamah iman seseorang hamba sehinggalah istiqamah hatinya dan tidak istiqamah hati seseorang hamba sehinggalah istiqamah lidahnya...

(Hadis Riwayat: Ahmad)

- (iv) Huraikan akibat mengabaikan tuntutan hadis di atas. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT